

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA,  
MESYUARAT KOSONG, PENGGAL KOSONG,  
PARLIMEN KOSONG TAHUN**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK RABIYAH BINTI ALI**  
**TARIKH : 18 APRIL 2017 (SELASA)**

**SOALAN**

**Datuk Rabiyah binti Ali** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan komitmen Kerajaan pada PRU 14 untuk meningkatkan bilangan wanita sebagai Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Menteri, Timbalan Menteri dan Exco Kerajaan Negeri seiring dengan hasrat untuk menjadikan wanita sebagai tunggak pembangunan negara.

**JAWAPAN**

Kerajaan telah menggubal Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita di mana salah satu objektif khusus Pelan Tindakan ini ialah mencapai sekurang-kurangnya 30% penglibatan wanita di Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Penggubalan semula Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang dilaksanakan sepanjang tahun 2004 - 2008 ini turut melibatkan wakil daripada beberapa parti politik utama di Malaysia. Dalam hal ini, parti-parti politik yang merupakan stakeholders utama perlu terus mengambil perhatian dan melaksanakan strategi dan program yang digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Kesediaan, komitmen dan keyakinan pemimpin-pemimpin parti politik dalam membuka lebih banyak ruang dan peluang di peringkat entry point akan meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang politik dan seterusnya sebagai calon dalam pilihan raya umum ke-14 yang akan datang. Parti-parti politik juga perlu lebih peka dan sedar akan kepentingan kesaksamaan gender dalam perjuangan parti masing-masing. Selaras dengan saranan dalam Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga ingin semua parti politik untuk secara serius mengkaji kemungkinan bagi menetapkan kuota sekurang-kurangnya 30% wanita sebagai calon pilihan raya bagi setiap parti di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Selain itu, sesi kaukus bersama ahli Parlimen Wanita turut dilaksanakan setiap tahun bagi meneliti inisiatif-inisiatif berkaitan wanita termasuk wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor politik. Sesi ini juga dilaksanakan sebagai medium kementerian untuk menyeru parti-parti politik untuk melaksanakan inisiatif untuk melibatkan lebih ramai wanita di bidang ini. Untuk makluman bersama, penglibatan wanita dalam bidang politik juga telah mencatatkan peningkatan yang mana pada PRU ke-12, wanita telah memenangi 63 kerusi iaitu 40 kerusi DUN dan 23 kerusi parlimen. Manakala pada PRU ke-13 pula, jumlah wanita yang memenangi kerusi telah meningkat sebanyak 22.2% kepada 81 orang iaitu 58 kerusi DUN dan 23 kerusi parlimen. Jumlah ini jauh lebih besar daripada jumlah wanita yang memenangi kerusi pada Pilihan raya pada tahun 1990 iaitu 13 kerusi DUN dan 8 kerusi parlimen.

**NO SOALAN: 60**

Ini membuktikan wanita telah mengorak langkah dan mula diberi kepercayaan untuk menceburi arena politik. Walaupun jumlahnya masih belum mencapai sasaran 30% yang ditetapkan, KPWKM positif bahawa peluang dan kepercayaan ini akan terus diberikan kepada wanita bagi membuktikan keupayaan kepimpinan wanita dalam bidang politik. Justeru, diharap lebih banyak peluang dapat diberikan kepada wanita untuk bertanding dalam pilihan raya akan datang bagi meningkatkan bilangan wanita sebagai Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Menteri, Timbalan Menteri dan Exco Kerajaan Negeri seiring dengan hasrat untuk menjadikan wanita sebagai tulang punggung pembangunan negara.